



## PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)

### KENYATAAN TENDER

- Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** melaksanakan bekalan/perkhidmatan seperti berikut :

**TENDER PERKHIDMATAN PENYEWAAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT WILAYAH SEMENANJUNG,  
KLATCC, AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA) DAN CAAM KLIA, PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM  
MALAYSIA**

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
CAAM/T 013/2025	221503	TIADA	<p>13/06/2025 (Jumaat) Sesi Taklimat : 09:00 pagi</p> <p>AUDITORIUM KLATCC, LEVEL 1, KOMPLEKS KLATCC, JALAN CTA3, 64000 KLIA, SELANGOR (PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI BAGI SESI TAKLIMAT: AHMAD SHARIZA BIN MOHD ALI - 0385291377 / AHMADSHAH@CAAM.GOV.MY).</p>	RM0.00	04/07/2025 (Jumaat)  (sebelum 12:00 tengah hari)

- Pembekal **diwajibkan** menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga seperti alamat yang tertera pada jadual di atas (**sekiranya ada**). **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga. Hanya Pemilik/Penama yang berdaftar dengan MoF sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat/lawatan tapak dengan mengemukakan Kad Pengenalan dan Sijil MOF untuk pengesahan.
- Bayaran dokumen sebut harga (sekiranya ada) boleh dibuat secara DALAM TALIAN ke **Akaun No. 3811340215 - PUBLIC ISLAMIC BANK atas nama Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan.
- Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen tawaran pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
- Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem SPEED akan dikenakan fi perkhidmatan 0.4% bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (multiple payment) mengikut setiap nilai invois yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi invois yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; ATAU 0.8% bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) mengikut setiap nilai invois yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi invois yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
- TATACARA PENYERTAAN TENDER**
  - Pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran pembekal melalui laman web <https://speed2u.my> sebelum menyertai tawaran ini. Sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada [helpdesk@speed2u.my](mailto:helpdesk@speed2u.my) untuk tujuan ini;
  - Seterusnya, Pembekal dikehendaki melengkapkan borang pada pautan <https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9> untuk mengakses sistem SPEED bagi penyediaan cadangan tawaran pembekal **sekiranya tiada sesi taklimat diadakan** ; dan
  - Pembekal dikehendaki mengemukakan tawaran secara dalam talian (online) melalui sistem SPEED sebelum atau pada tarikh dan masa tutup Sebut Harga yang ditetapkan.
- Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan melalui emel [unit.perolehan@caam.gov.my](mailto:unit.perolehan@caam.gov.my) atau hubungi talian 03-88714137/4120/4033/4287.
- Harga Anggaran/Indikatif Jabatan bagi perolehan ini adalah RM998,000.00
- Harga Anggaran/Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Pihak Berkuasa atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- Pihak Berkuasa tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Anggaran/Indikatif Jabatan.
- Pihak Berkuasa akan mengikat suatu kontrak dengan Pembekal yang berjaya dalam sebut harga ini untuk tempoh selama 60 bulan

12. ALAMAT PENGHANTARAN BEKALAN/PERKHIDMATAN: Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Kompleks KLATCC, Jalan CTA3, 64000 KLIA, Selangor